

Headline	Rasa air berubah payau libatkan 31,750 akaun pengguna		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	05 Feb 2022	Language	Malay
Circulation	140,000	Readership	420,000
Section	Nasional	Page No	26
ArticleSize	186 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 11,830		



Rasa air berubah payau libatkan 31,750 akaun pengguna

KUALA TERENGGANU - Gangguan kualiti air berpunca daripada penerobosan air masin pada muka sauk Pulau Musang melibatkan tangki Bukit Kecil dan tangki Bukit Losong sejak beberapa hari lalu menjejaskan 31,750 akaun pengguna di daerah ini.

Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Air Terengganu (Satu), Abdul Karim Endut berkata, fenomena air pasang surut dijangka berlaku sehingga Mac nanti dan pengguna akan berisiko mengalami gejala air masin atau payau sepanjang tempoh tersebut.

"Satu akan bekerjasama dengan pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB) untuk meningkatkan aliran air hulu sungai bagi mengurangkan kesan air pasang besar ini," katanya dalam satu kenyataan pada malam Khamis.

Menurut beliau, gangguan kualiti menyebabkan air bertukar payau itu melibatkan 24 kawasan daerah ini iaitu Kampung Losong, Kampung Kubang Buyong, Kampung Paloh, Kampung Pulau Rusa, Kampung Kuala Bekah, Kampung Pulau Musang, Kampung Sungai Rengas, Kampung Kubang Tangga, Kampung Durian Burung, Kampung Bukit Kubang Jambu, Kampung Wakaf Che Kapur dan Kampung Kubang Parit.

Turut terjejas ialah Kampung Pulau Kambing, Chabang Tiga, Kampung Tokku, Kampung Seberang Baroh, Kampung Hiliran, Kampung Bukit Kecil, Kampung Pasir Panjang, Kampung Gong Kapas, Kampung Panji Alam, Kampung Gong Pak Maseh, Jalan Budiman dan kawasan sekitar.

"Satu akan memaklumkan perkembangan dari semasa ke semasa menerusi laman sesawang www.satuwater.com.my, aplikasi MySATU, Facebook, Instagram dan LinkedIn atau hubungi careline di talian 1300-88-2111 jika mempunyai sebarang pertanyaan atau aduan," katanya.



Laporan Sinar Harian pada Khamis.